

MAHATHIR - UMNO R R R

1985

KANGAR, 14 MAC (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS ANGGOTA-ANGGOTA PARTI ITU YANG MENGGUNAKAN PROSES MAHKAMAH UNTUK MENGEKALKAN KEDUDUKAN MEREKA DALAM PARTI.

+ ANGGOTA-ANGGOTA SEUMPAMA INI HANYA MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI DARIPADA KEPENTINGAN PARTI, + KATA PERDANA MENTERI DALAM PERJUMPAAN DENGAN PARA ANGGOTA UMNO DI RUMAH TETAMU DI SINI.

BELIAU BERKATA WALAUPUN SESEORANG ITU MEMPUNYAI HAK UNTUK MENGEMUKAKAN SESUATU MASALAH KE MAHKAMAH, TETAPI SEPATUTNYA MEREKA TERLEBIH DAHULU MENGGUNAKAN SEMUA PERATURAN MENGIKUT PERLEMBAGAAN PARTI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYIFATKAN GOLONGAN UMNO ITU SEBAGAI TELAH LUPA KEPADA PERJUANGAN ASAL PARTI.

+ YANG PALING MENYEDIHKAN LAGI IALAH ANGGOTA-ANGGOTA UMNO ITU MENDAPATKAN NASIHAT DAN PERKHIDMATAN DARI PEGUAM-PEGUAM YANG DIKETAHUI MENJADI ANGGOTA PARTI PEMBANGKANG.

+ KITA SEMUA SEWAJARNYA TELAH SEDAR BAHAWA PARTI-PARTI PEMBANGKANG AKAN BERSEEDIA MEMBERI NASIHAT DAN PERKHIDMATAN GUAMAN KERANA TINDAKAN ITU DIHARAPKAN DAPAT MEMECAH BELAHKAN UMNO AKHIRNYA, + TEGASNYA. -- LAGI.

2010MST 14 03 85

D664

U 8301 DEB

MAHATHIR - UMNO 2 KANGAR R R R

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGINGATKAN BAHAWA YANG PENTING BUKANNYA KEDUDUKAN DI PERINGKAT CAWANGAN, BAHAGIAN MAHUPUN PUSAT, TETAPI YANG LEBIH PENTING IALAH PARTI ITU SENDIRI.

SEKIRANYA MAHKAMAH MEMUTUSKAN BAHAWA MESYUARAT UMNO DI PERINGKAT CAWANGAN, MISALNYA, ADALAH TIDAK SAH, IMPLIKASINYA IALAH MESYUARAT PERINGKAT BAHAGIAN DAN SETERUSNYA PERHIMPUNAN AGUNG SERTA PEMILIHAN PUNCIK PIMPINAN JUGA TIDAK SAH MEMANDANGKAN MESYUARAT-MESYUARAT ITU DISERTAI OLEH PERWAKILAN DARI CAWANGAN YANG TELAH PUN DIDAPATI TIDAK SAH OLEH MAHKAMAH.

+ UMNO MEMPUNYAI BEBERAPA PERATURAN DI PERINGKAT CAWANGAN, BAHAGIAN DAN PERHIMPUNAN AGUNG UNTUK MENYELESAIKAN SEBARANG MASALAH YANG TIDAK PERLU DIPUTUSKAN OLEH MAHKAMAH, + KATANYA.

SEANDAINYA SETIAP ANGGOTA UMNO MEMILIH JALAN MENYELESAIKAN MASALAH MEREKA MENERUSI PROSES MAHKAMAH TANPA TERLEBIH DAHULU MERUJUK KEPADA PERATURAN-PERATURAN YANG DISEDIAKAN, PERDANA MENTERI KHUATIR UMNO TIDAK AKAN KEKAL LAMA.

KEPADA GOLONGAN ITU, BELIAU MENGGESA MEREKA KEMBALI KEPADA PERJUANGAN UMNO YANG ASAL YANG, UJARNYA, TELAH PUN MENYELAMATKAN MASYARAKAT MELAYU DARIPADA KEDUDUKAN YANG HINA KEPADA MENJADI BANGSA YANG BERJAYA MEMIMPIN NEGARA MALAYSIA. -- LAGI.

2014MST 14 03 85

D667

U 8302 DEB

MAHATHIR - UMNO 3 KANGAR R R R

DATUK SERI DR. MAHATHIR SETERUSNYA MENGINGATKAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO AGAR BERWASPADA TERHADAP BERBAGAI-BAGAI TAFSIRAN AGAMA ISLAM YANG DIBAWA OLEH GOLONGAN PEMBANGKANG TERTENTU YANG BERTUJUAN UNTUK MELFMAHKAN PERJUANGAN MEREKA.

BELIAU MENARIK PERHATIAN BAHAWA WALAUPUN UMNO MERUJUKKAN TINDAKAN-TINDAKANNYA KEPADA SUNNAH DAN KITAB SUCI AL-QURAN NAMUN PIHAK BERKENAAN AKAN MENGELUARKAN TAFSIRAN YANG LAIN PULA.

+INI MENUNJUKKAN BAHAWA GOLONGAN ITU BERSEDIA MENGGUNAKAN ISU AGAMA BUKAN KERANA KEBENARAN ITU SENDIRI TETAPI BAGI KEPENTINGAN POLITIK MEREKA,+ UJARNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGGESA PARA ANGGOTA UMNO MENGUKUHKAN PERPADUAN SUPAYA AGAMA ISLAM DAPAT DIPELIHARA DALAM NEGARA INI BEBAS DARI MAINAN POLITIK.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA SETIAP USAHA KERAJAAN MENGEMBANGKAN SYIAH ISLAM DIBUAT BUKAN KERANA POLITIK TETAPI BAGI KEPENTINGAN SEMUA UMAT ISLAM DI NEGARA INI. -- LAGI.
2020MST 14 03 85

DS7D

U B303 DEB

MAHATHIR - UMNO 4 KANGAR R R R

PERDANA MENTERI MENGINGATKAN BAHAWA UMAT ISLAM MERUPAKAN 50 PERATUS DARI PADA PENDUDUK MALAYSIA DAN SETIAP LANGKAH HENDAKLAH DIBUAT BAGI MENGATASI SETIAP KELEMAHAN YANG MUNGKIN WUJUD DI KALANGAN MEREKA.

BELIAU MENYEBUT BAGAIMANA SEBUAH NEGARA YANG PENDUDUKNYA 90 PERATUS ISLAM TELAH MELAKSANAKAN HUKUM-HUKUM ISLAM TANPA TERLEBIH DAHULU MENGATASI KELEMAHAN-KELEMAHAN MEREKA, MENYEBABKAN AKHIRNYA BERLAKU HURU HARA DI NEGARA ITU.

+MALAYSIA SEDAR AKAN KELEMAHANNYA DAN BERUSAHA MEMBAIKI KELEMAHAN ITU,+ KATANYA.

TURUT HADIR DALAM PERJUMPAAN ITU IALAH MENTERI BESAR, DATUK HAJI ALI HAJI AHMAD, TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI, ENCIK RADZI SHEIKH AHMAD DAN BEKAS MENTERI BESAR, DATUK HAJI JAAFAR HASSAN. -- BERNAMA
2020MST 14 03 85